

HARTA YANG TIDAK DITUNTUT DALAM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG
DI MALAYSIA

MOHD ARAFAT BIN JAAFAR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
sarjana falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2017

DEDIKASI

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T dengan limpah dan Inayahnya saya dapat mengemukakan tesis ini. Dedikasi ini saya tujukan untuk Ibunda tercinta pemberi semangatku, Hajjah Asnah Binti Sulaiman terima kasih atas nasihat yang diberikan. Isteriku yang tersayang Norfaezah Binti Hj. Abd Karim terima kasih kerana memberi dorongan dan sokongan serta membantu dalam mendidik anak-anak tersayang. Tidak lupa kepada anak-anak Permata hatiku, Muhammad Irsyaduddin, Muhammad Dhia'urrahman semoga menjadi anak yang Soleh serta Al-Marhum Muhammad Abdusyafi semoga Allah mencucuri rohnya dengan rahmat serta ditempatkan dalam golongan orang yang soleh. Seterusnya, kepada Penyelia Dr Nasrul Hisyam Bin Nor Muhamad terima kasih atas bimbingan dan curahan ilmu, Hanya Allah yang dapat membalasnya. Para pensyarah dan Staf Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia yang banyak membantu. Seterusnya, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan kerjasama. Pengorbanan kalian amat bermakna buat penulis dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Azza Wa Jalla kerana atas keizinan dan limpah rahmatNya saya dapat menyiapkan tesis Sarjana falsafah ini. Dengan barakahNya jua diberi kesempatan untuk terus bernafas dan bernaung di bawah kekuasaanNya Yang Maha Agung. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia saya Dr. Nasrul Hisyam Bin Nor Muhamad di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada, Pengurus Harta Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) negeri Johor, En Samsuri Bin Selamat, Eksekutif Amanah Raya Berhad Cawangan Johor Bahru, En Asrar Bin Abdullah, Penolong Pengarah Kanan / Peguam Syarie Persekutuan, Jabatan Guaman Negeri Johor, En Mohamad Ridzuan Bin Zainudin dan Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara, Malaysia Puan Izza Azlin Bin Ab.Rasid kerana memberikan kerjasama dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian tesis yang dilakukan. Kerjasama yang diberikan mudahh-mudahan Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Kepada insan-insan tersayang terutama Ibu, Isteri serta anak-anak, adik-beradik, bapa dan ibu mertua serta sahabat handai yang kusayangi kerana membantu dan memberi sokongan menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga, kepada kakitangan Universiti Teknologi Malaysia, para pensyarah Fakulti Tamadun Islam, semua sahabat dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penyelidikan ini.

ABSTRAK

Sehingga kini, dianggarkan hampir RM66.6 bilion harta tidak dituntut dilaporkan berada di pelbagai institusi pengamanahan di seluruh negara yang terdiri daripada harta alih dan tak alih. Isu ini boleh menimbulkan masalah yang lebih rumit apabila berlaku masalah pertindihan waris yang melibatkan generasi yang besar. Skop kajian adalah berkaitan dengan harta yang tidak dituntut oleh milik orang Islam menurut perundangan Islam dan peruntukan undang-undang yang berkaitan di Malaysia. Objektif kajian adalah bagi menganalisis harta yang tidak dituntut menurut perundangan Islam, mengemukakan peruntukan undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian berkenaan isu tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data kajian diperolehi dengan menggunakan metod kajian perpustakaan dan temubual separa struktur. Analisis kajian secara deskriptif digunakan terhadap undang-undang di Malaysia dan pendapat para fuqaha' terhadap konsep harta yang tidak dituntut. Seterusnya, analisis secara komparatif digunakan untuk mengemukakan perbezaan kedudukan harta yang tidak dituntut menurut perspektif Islam dan Sivil. Hasil kajian mendapati harta yang tidak dituntut wujud dalam beberapa aspek dalam perundangan Islam yang dibahaskan dalam fiqh. Seterusnya, terdapat beberapa peruntukan undang-undang harta yang tidak dituntut di Malaysia dalam undang-undang Agama Islam Negeri dan undang-undang Persekutuan. Kajian ini mencadangkan beberapa pindaan terhadap peruntukan undang-undang berkaitan harta yang tidak dituntut perlu dilaksanakan bagi menangani permasalahan ini contohnya membuat pindaan ke atas Akta Probet dan Pentadbiran 1959, iaitu mengecualikan orang Islam tertakluk di bawahnya. Kajian ini juga mencadangkan supaya pengurusan harta yang tidak dituntut diuruskan oleh sebuah institusi khusus untuk orang Islam.

ABSTRACT

To date, an estimated RM66.6 billion worth of unclaimed property is reported to be found in various institutions across the country, consisting of movable and immovable properties. This issue should not be taken lightly as it could lead to more complicated problems when there is an issue of overlapping heirs which involves large extended generations. The scope of this study covers the issue of unclaimed property from the perspective of Islamic Laws and The Laws of Malaysia. The objective of this research is to analyse the issue of unclaimed property of Muslims in accordance with Islamic Laws, to present related existing legal provisions and subsequently to propose appropriate solutions to overcome this issue. This research uses qualitative method approach whereby data is obtained through library research method and semi-structured interview. Descriptive study analysis is applied to the laws of Malaysia and the views of the fuqaha' on the concept of unclaimed property. In addition, comparative analysis is used to describe differences in the status of unclaimed properties in terms of Islamic and Civil Perspective. Findings from this research indicates that unclaimed property exists in several aspect in Islamic jurisprudence. Further, a number of provisions of unclaimed properties are constituted under the State Islamic Laws and Federal Laws. In order to address this issue, this research proposes several amendments to the existing laws. For example, the Probate and Administration Act 1959, should be amended exempting Muslims from this act. This research also proposes the establishment of a specific institution to manage unclaimed inheritance of the Muslims.

KANDUNGAN

BAB PERKARA	HALAMAN
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI STATUT	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Definisi Operasi Kajian	14
1.8.1 Harta	14
1.8.2 Harta Pusaka	17
1.8.3 Harta Yang Tidak Dituntut	18
1.8.4 Undang-undang	19
1.9 Kesimpulan	19
2 SOROTAN KAJIAN	20
2.1 Pengenalan	20

2.2	Harta Menurut Perundangan Islam	20
2.3	Harta Menurut Perundangan Sivill	24
2.4	Klasifikasi Harta Dalam Islam	25
2.5	Harta Pewarisan	26
2.5.1	Harta Pewarisan Menurut Syarak	26
2.5.2	Pengurusan Harta Pewarisan	35
2.5.3	Rukun Waris	37
2.5.4	Sebab-sebab Mewarisi	37
2.6	Harta Pewarisan Menurut Undang-Undang Sivill	38
2.6.1	Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahgian)	39
2.6.2	Akta Probet dan Pentadbiran 1959	40
2.6.3	Enakmen Undang-Undang Islam Negeri	41
2.7	Kepentingan Pewarisan	44
2.8	Wang Tak Dituntut	45
2.8.1	Takrif Wang Tak Dituntut	45
2.8.2	Tujuan Perwujudan Akta	46
2.9	Baitulmal Dalam Pengurusan Harta Orang Islam	47
2.9.1	Baitulmal Di Malaysia	47
2.9.2	Pentadbiran Agama Islam Negeri	52
2.9.3	Sumber-sumber Baitulmal	53
2.9.4	Perbezaan Baitulmal Dulu dan Kini	57
2.10	Kajian Lepas	59
2.11	Kesimpulan	63
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	65
3.3.1	Metod Dokumentasi	65
3.3.2	Metod Temubual	66
3.4	Metod Analisis Kajian	68
3.4.1	Metod Deskriptif	68
3.4.2	Metod Komparatif	68
3.5	Kesimpulan	69
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	70
4.2	Konsep Harta Yang Tidak Dituntut Dalam Islam	70
4.2.1	Harta Luqatah	71
4.2.1.1	Jenis-Jenis Harta Luqatah	73
4.2.1.2	Hukum Pengurusan dan Pelupusan	73
4.2.1.3	Hubungkait Harta Yang Tidak Dituntut	77
4.2.2	Harta Wadiah	80

4.2.2.1 Hukum Wadi'ah	82
4.2.2.2 Syarat Wadi'ah	83
4.2.2.3 Prosuder Tuntutan Harta	86
4.2.3 Harta Pusaka	86
4.2.3.1 Pensyariatan Harta Pusaka	88
4.2.3.2 Harta Pusaka Menurut Sivil	92
4.2.3.3 Bidang Kuasa Penentuan Harta	92
4.2.4 Al-Tirkah Dan kedudukan Baitulmal	95
4.2.5 Harta Mafqud	98
4.2.5.1 Status Al-Mafqud	98
4.2.5.2 Menetapkan Tempoh Mafqud	101
4.2.5.3 Pengurusan Harta Al-Mafqud	102
4.2.5.4 Hubungkait Harta Tidak Dituntut	106
4.2.6 Ghosob (Wang Rampasan)	107
4.2.7 Harta 'Ariya (Pinjaman)	110
4.3 Undang-Undang Harta Yang Tidak Dituntut	111
4.3.1 Undang-Undang Agama Islam Negeri	114
4.3.2 Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan	121
4.4 Peruntukan Undang-Undang Harta Mafqud	122
4.5 Kesimpulan	130

5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan Keseluruhan kajian	131
5.2 Implikais Kajian	134
5.2.1 Implikasi Terhadap Polisi Kerajaan	134
5.2.2 Implikasi Kepada Institusi Baitulmal	134
5.2.3 Implikasi Kepada KWSP	134
5.2.4 Implikasi Kepada Amanah Raya Berhad	135
5.2.5 Implikasi Kepada Masyarakat Islam	136
5.2.6 Implikasi Kepada Masyarakat Umum	136
5.2.7 Implikasi Kepada Ilmuan	137
5.3 Cadangan Kajian	137
5.3.1 Memperbaiki Prosedur Dan Pengurusan	137
5.3.2 Menggubal Undang-Undang Khas	138
5.3.3 Pinda Akta Probet Dan Pentadbiran 1959	139
5.3.4 Pindaan Undang-Undang Lain	140
5.3.5 Sokongan Kerajaan Kepada Baitulmal	143
5.3.6 Memperhebatkan Usaha Meningkatkan Kefahaman Masyarakat	145
5.3.7 Galakan Pelaksanaan Akad Tabarru'	146
5.3.7.1 Galakan Pelaksanaan Hibah	146
5.3.7.2 Galakan Pelaksanaan Wasiat	147
5.5 Kesimpulan	149
Bibliografi	150

SENARAI STATUT

Akta 370 Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2006) ,
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)
Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532).
Akta Probate dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (Akta 585)

SENARAI RAJAH

No. Jadual	Nama Rajah	Halaman
1	Statistik Jumlah Nilai Beku 2009-2014	5
2	Laporan Serahan Wang Tak Dituntut	6
3	Laporan Tuntutan	7

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH

Dalam penulisan tesis ini, perkataan, frasa atau nama khas yang tertentu hanya di tulis dalam bentuk ringkasan bagi tujuan memudahkan penulisan.

RINGKAS

MAKSUD

ARB

Amanah Raya Berhad

JAKIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JKPTG

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian

Mafqud

Orang yang hilang

Wadiah

Simpanan

°Ariah

Pinjaman

Ghusub

Rampasan

S.W.T

Subhanahu Wa Ta'ala

SENARAI LAMPIRAN**Nama Jadual****Halaman**

Contoh Surat Permohonan Mendapatkan
Maklumat Kajian dan pengesahan

Contoh Soalan temubual dan pengesahan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Harta merupakan pemberian yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk sekalian umat manusia di dunia ini sebagai wasilah untuk beribadah kepadanya, seterusnya mengukuhkan dan memantapkan keimanan bagi mendapatkan keredhaanya. Namun harta juga merupakan punca kepada pertikaian dan perpecahan sesama manusia. Justeru, jika berlaku pertikaian berkaitan harta maka tanggungjawab ini harus diserahkan kepada mahkamah yang mempunyai kuasa membicarakan dan memutuskan sesuatu pertikaian demi memastikan keadilan tercapai dan hak pihak-pihak yang terlibat terpelihara setelah tiada jalan perdamaian dan penyelesaian yang dapat dibuat antara mereka.

Konsep Islam dalam pengurusan harta menfokuskan kepada isu penyelesaian harta warisan dan ilmu Fara'id amat penting, namun ianya tidak diketengahkan dan diterap masuk ke dalam sukatan akademik negara. Pada hakikatnya, ia amat penting dan berguna sebagai suatu landasan dan petunjuk dalam sesebuah pembangunan harta yang seimbang dan terancang dengan mengambil kira semua aspek termasuk perundangan dan ketetapan yang telah ditetapkan. Namun, tidak dapat dinafikan dalam sistem pendidikan tradisional Islam yang terdapat di Malaysia, pelajaran ilmu Fara'id dan ilmu falak ini ada dimasukkan ke dalam kurikulum peringkat tinggi (Thanawi dan 'Aliyyah). Sistem pendidikan tradisional Islam ini juga termasuk sukatan pelajaran yang diajarkan di pondok bagi Tanah Melayu dan Selatan Thailand, pesantren di Pulau Jawa dan Sumatera, dayah atau zawiyyah di Aceh. Ini kerana, ilmu ini sangat penting dipelajari dalam konteks ilmu fardhu kifayah di samping ilmu fardhu ain'. Antara nama-nama ulamak yang terkenal dengan

kepakaran ilmu faraid dan ilmu falak ialah Syeikh Ahmad Khatib al Minankabawi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Fahim (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 2007). Sebagai contoh, kehebatan Sheikh Abdullah Fahim (datuk YAB Tun Abdullah Badawi, Mantan Perdana Menteri Malaysia kelima) terbukti apabila dalam perkiraan ilmu falaknya iaitu tarikh kemerdekaan Tanah Melayu ialah pada 31 Ogos 1957 apabila diminta oleh YM Tengku Abd Rahman Putera al-Haj, Perdana Menteri pertama. Selain itu juga, ilmu pengurusan perancangan pewarisan harta dalam Islam atau ilmu Far'aid ini adalah di antara ilmu yang terawal diangkat oleh Allah S.W.T. Maka, dengan menuntut ilmu ini dan mendalaminya telah menjadikan ia sebagai fardhu kifayah (Noor Hayati Marzuki & Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 2009).

Pengurusan harta mestilah diuruskan dan dirancang semasa seseorang itu masih hidup lagi. Harta dunia ini adalah milik Allah S.W.T. dan kita hanyalah pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbirnya sebaik mungkin mengikut syariat Islam. Sepertimana firman Allah S.W.T:

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا

Maksudnya “ *Dan kepunyaan Allah-lah apa yang di langit dan apa yang di bumi. Cukuplah Allah sebagai Pemelihara*”.

(Surah *an-Nisa*’, 4 : 132)

Secara umumnya, harta yang terdapat di institusi kewangan dan pengamanahan terdiri daripada harta alih dan tak alih. Harta alih adalah seperti wang simpanan, saham dan sebagainya. Manakala harta tak alih adalah berupa tanah. Masalah longgokan harta yang belum dituntut di institusi kewangan dan pengamanahan di Malaysia merupakan suatu isu yang tidak boleh dipandang ringan. Peningkatan harta yang belum dituntut sama ada alih atau tidak alih sehingga kini sudah mencecah berpuluh bilion ringgit. Kewujudan harta-harta yang belum dituntut di pelbagai entiti telah memberikan suatu impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi negara. Seharusnya harta-harta tersebut sama ada alih atau tidak alih perlu dikembang biakan dan tidak dibiarkan terus tersimpan tanpa dikendalikan sehingga

menjadi beku. Pembekuan harta adalah bertentangan dengan ruh Maqasid Shariah yang menganjurkan akan agar ia ditadbir dengan baik demi kemaslahatan ummah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut laporan Metro Online bertarikh 22 Mac 2011, peningkatan terhadap jumlah harta pusaka yang tidak dituntut atau nilai aset beku yang sangat tinggi ini telah menjadi isu berlarutan dan terpaksa dihadapi oleh penduduk Islam di Malaysia. Ini menampakkan keseriusan masalah dan keperluan yang tinggi terhadap penyelesaian ke atas isu pentadbiran dan pengurusan dalam pembahagian harta warisan Islam di negara kita. Antara punca berlakunya hal ini adalah terdiri daripada pelbagai faktor termasuklah kaedah pengurusan dan pentadbiran yang tidak efektif, sistem perundangan, bidang kuasa mahkamah bertindih dan kurangnya pengetahuan waris mengenai pengurusan harta si mati.

Fenomena ini menimbulkan pelbagai isu dan menjadi permasalahan yang semakin meruncing serta amat sukar untuk diselesaikan. Sekiranya, harta-harta umat Islam ini tidak dibangunkan, ianya amat merugikan umat Islam itu sendiri. Ini kerana harta tersebut perlu dimanfaatkan bagi kepentingan dan pembangunan sosio-ekonomi ummah sekaligus membantu menyelesaikan masalah dan isu kemiskinan yang cukup merisaukan.

Isu wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dituntut, perkara ini telah didedahkan oleh Ghazali Ibrahim (2011:10), di dalam bukunya yang berjudul “RM 42 Billion Pusaka Belum Dituntut” menyatakan bahawa pencarum yang telah berusia 65 tahun ke atas gagal dikesan. Adakah telah meninggal dunia? Sekiranya telah meninggal dunia, mengapa waris tidak datang menuntut? Akhirnya KWSP menyatakan bahawa sebanyak RM 70 Juta belum dituntut oleh waris si pencarum KWSP. Masalah ini berbangkit ekoran perbalahan, kurangnya kesedaran mengenai harta pusaka dan waris sendiri yang tidak mengetahui wujudnya harta tersebut. Kelewatan pengurusan harta pusaka ini berpunca daripada kurangnya

kefahaman waris terhadap pentadbiran pusaka, kepentingan melantik wasi, pengurusan harta melalui instrument wasiat atau hibah dan pembahagian harta.

Perkara yang sering menjadi pertikaian apabila berlaku kematian adalah berkenaan dengan pembahagian harta pusaka si mati. Di Malaysia, undang-undang memeruntukkan bahawa sebelum sesuatu harta pusaka si mati dapat dibahagikan kepada waris atau pihak yang berhak, harta tersebut hendaklah ditadbir terlebih dahulu mengikut prosedur perundangan yang telah ditetapkan. Firman Allah s.w.t;

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sehahagian harta yang kamu cintai. dan apa saja yang kamu nafkahkan Maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

(Surah Ali I'mran, 3 : 92)

Menurut Wahbah Zuhaili (2009:3) al-faraidh adalah bentuk jama' dari al-faridhah yang ertinya adalah pembahagian, dan kata al-faridhah adalah dalam bentuk maf'ul yang bererti sesuatu yang telah ditentukan, disebutkan demikian kerana bahagian-bahagian ahli waris telah ditentukan oleh syariat. Ilmu faraidh ialah ilmu pembahagian harta warisan.

Nilai harta pusaka orang Islam yang tidak dituntut tidak mempunyai suatu statistik yang tepat. Walaubagaimana pun, laporan dari agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti Pendaftar Wang Tak Dituntut (PWT), Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji, koperasi-koperasi dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan agensi-agensi Perbankan di Malaysia, membuktikan bahawa nilai aset beku berbilion ringgit yang tidak dituntut terutama orang Islam

adalah sangat membimbangkan. Sebagaimana akhbar Utusan Malaysia bertarikh 31 Mac 2012, melaporkan bahawa sebanyak RM52 bilion nilai harta pusaka tertunggak dengan majoritinya milik orang Islam gagal diwarisikan kepada individu yang berhak di seluruh negara. Malah perkara ini juga turut didedahkan oleh akhbar tempatan seperti laporan akhbar Berita Metro Online bertarikh pada 17 Mei 2014 melaporkan bahawa harta yang tidak dituntut terus mencecah sebanyak RM 66.6 bilion masa kini.

Jadual 1: Statistik jumlah Nilai Aset Beku atau Harta yang tidak dituntut di Malaysia, bermula tahun 2009 hingga 2014.

Bil	Tahun	Anggaran Jumlah Nilai Aset Beku/ Tidak dituntut di Malaysia	Peratusan Peningkatan (%)
1.	2009	RM40 bilion	-
2.	2010	RM41 bilion	+ 2.5%
3.	2011	RM42 bilion	+ 2.5%
4.	2012	RM52 bilion	+ 19.23%
5.	2013	RM60 bilion	+15.38%
6.	2014	RM66.6 bilion	+20.23%

Sumber :Berita Harian Online, Metro Online, Kosmo Online.

Berdasarkan kepada perangkaan yang dilaporkan, sebahagian besar harta pusaka yang dibekukan adalah milik orang Islam. Kenyataan ini amatlah mendukacitakan, sewajarnya harta tersebut dapat digunakan untuk membantu meningkatkan ekonomi negara khususnya ekonomi orang Islam itu sendiri. Rentetan dari masalah ini, banyak perkara menjadi tergendala terutama dari sudut pembangunan ekonomi umat Islam.

Pada dasarnya ruang perbahasan mengenai harta yang tidak dituntut amatlah luas. Secara umumnya, harta tersebut boleh diklasifikasikan kepada dua kategori sama ada harta tak alih atau harta alih. Akan tetapi penulis akan memfokuskan pada harta alih sahaja. Menurut laporan tahunan kewangan Persekutuan, Jabatan

Akauntan Negara, dari unit akaun yang bertanggungjawab untuk mengendalikan serahan wang tak dituntut yang diterima daripada entiti dan Seksyen Pengurusan Sekuriti. Pada tahun 2014, sebanyak 1,724 serahan Wang Tak Dituntut dengan jumlah terimaan sebanyak RM512.9 juta telah diterima dengan 1,868 serahan jumlah terimaan sebanyak RM531.7 juta diterima daripada syarikat dan firma pada tahun 2013. Seterusnya, RM476 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2011 jumlah yang diterima adalah sebanyak RM389 juta, tahun 2010 RM418 juta dan tahun 2009 sebanyak RM562 juta. (Portal Rasmi Laporan Kewangan Tahunan ANM, 2014).

Jadual 2: Laporan Serahan Wang Tak Dituntut tahun 2009-2014:

TAHUN	TERIMAAN (RM)
2014	512.9 juta
2013	531.7 juta
2012	476 juta
2011	389 juta
2010	418 juta
2009	562 juta

Sumber : Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara

Daripada jumlah tersebut, Unit Tuntutan bertanggungjawab menguruskan permohonan bayaran balik WTD yang diterima diseluruh Negara. Pada tahun 2014, sebanyak 57,886 permohonan tuntutan bayaran balik WTD (UMA- 7) telah diterima dan sebanyak 21,159 baucar bayaran balik WTD telah disempurnakan melibatkan amaun berjumlah RM97 juta. Pada tahun 2013 sebanyak RM116 juta telah dibayar balik, RM109 juta pada tahun 2012, RM92 juta pada tahun 2011, RM101 juta tahun 2010, RM101 juta tahun 2009. Didapati, tiada pemisahan dibuat di antara wang tak dituntut milik orang Islam ataupun bukan Islam. Daripada fakta di atas, jumlah terimaan wang tak dituntut di atas adalah tinggi berbanding dengan peratusan bayaran balik yang kecil. (Laporan Kewangan Tahunan ANM, 2014).

Jadual 3: Laporan Tuntutan Wang Tak Dituntut dari tahun 2009-2014:

TAHUN	AMAUN (RM)
2009	101 juta
2010	101 juta
2011	92 juta
2012	109 juta
2013	116 juta
2014	97 juta

Sumber : Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia.

Sikap ambil mudah serta tidak tahu prosedur menyebabkan lebih RM60 bilion harta rakyat Malaysia tidak dituntut pewaris dan “Beku” dalam akaun beberapa agensi kerajaan berkaitan pengerusan wang simpanan dan harta. Ia membabitkan harta jenis tak alih (Tanah dan Rumah) serta harta alih (Wang tunai dan kenderaan) yang tersimpan sejak puluhan tahun di Amanah Raya Berhad, Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Pejabat Tanah dan Daerah. Perkara ini didedahkan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Hamim Samsuri yang berharap masyarakat lebih peka dan proaktif menuntut hak mereka. Harta ini boleh memberi kesan bukan sahaja kepada waris malah kepada ekonomi negara kerana tidak dapat dikembangkan menerusi pelaburan. Unit khas di bawah kementerian tersebut telah ditubuhkan oleh kerajaan semata-mata untuk membantu rakyat menguruskan harta peninggalan individu yang meninggal dunia tanpa perlu ke mahkamah seperti Bahagian Pusaka Kecil yang ditabir dibawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (Metro Online, 14 Januari 2016). Antara penyebab utamanya, ada dikalangan waris kurang memahami prosedur sebenar membuat tuntutan kepada pihak-pihak yang menguruskan harta. Lebih sulit lagi, apabila berlakunya kematian berlapis yang membabitkan harta pusaka keluarga.

Menurut Metro Online Januari 2016 menyatakan bahawa, sehingga akhir tahun 2015, sebanyak 10.9 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di negara ini tidak membuat penamaan. Jumlah itu bersamaan 75.2 peratus daripada keseluruhan 14.5 juta ahli berdaftar dengan agensi berkanun berkenaan dan membabitkan nilai simpanan yang besar iaitu RM232.7 bilion. Seterusnya menurut,

Ketua Jabatan Pendaftaran dan Operasi Sokongan KWSP Tengku Roshani Tengku Embung berkata, ada tiga faktor utama mengapa pencarum tidak membuat penamaan iaitu kerana ingin membahagikan harta simpanannya mengikut faraid manakala bagi yang bukan beragama Islam kemungkinan mahu mengagihkan berdasarkan surat kuasa mentadbir.

Dalam persidangan Dewan Rakyat oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Awang Adek Hussin, pada akhir tahun 2014, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerima sebanyak RM377.8 juta dari pencarum. Ini membabitkan 188,733 ahli berumur 75 tahun ke atas. Menurut beliau, hampir keseluruhan maklumat tentang pencarum terbabit adalah tidak lengkap memandangkan rekod pencarum yang terdahulu tidak mempunyai maklumat negeri. Pencarum yang boleh dikenal pasti mengikut negeri masa kini sebanyak 1,960 iaitu Johor 124 kes, Kedah (101), Kelantan (26), Melaka (33), Negeri Sembilan (43), Pahang (76), Perak (141), Pulau Pinang (148), Sabah (236), Sarawak (371), Selangor (340), Terengganu (41) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (280). Jumlah keseluruhan caruman RM195.9 Juta, manakala selebihnya yang berjumlah RM358.2 juta adalah jumlah caruman daripada 186,773 kes yang tiada maklumat negeri (Harian Metro 23 Mei 2015).

Menurut beliau juga, caruman yang tidak dituntut ini akan disimpan dalam akaun KWSP sehingga ahli berumur 80 tahun iaitu lima tahun selepas ahli tidak mencarum dengan KWSP seterusnya akan dipindahkan kepada bahagian pendaftar wang tidak dituntut iaitu selaras dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Bagi pencarum atau waris yang ingin membuat tuntutan caruman selepas caruman itu dipindahkan, KWSP akan membantu dengan mengeluarkan dokumen dan maklumat sebagaimana prosedur tuntutan ditetapkan. Mengikut undang-undang, wang yang tidak dituntut oleh pemunya akan dipindahkan daripada Akaun Amanah Disatukan kepada Akaun Hasil Disatukan selepas 15 tahun dari tarikh penerimaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Seterusnya, menurut Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995, ARB merupakan satu badan yang berfungsi sebagai pentadbir harta pusaka. Ia berdasarkan

peruntukan yang terdapat dalam akta tersebut. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, ARB telah mengguna pakai undang-undang yang diperuntukkan dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995. ARB mempunyai kuasa untuk mentadbir harta pusaka biasa, harta pusaka kecil dan harta pusaka ringkas. Pentadbiran bagi ketiga-tiga harta pusaka tersebut adalah berbeza di mana setiap harta pusaka menggunakan surat kuasa yang berbeza (Hamidah Mohamad Hassan 2007).

Secara dasarnya Amanah Raya Berhad merupakan pemegang amanah kepada lebih daripada 20,000 akaun amanah persendirian. Akaun amanah adalah dana yang dibentuk oleh individu atau badan korporat dengan pemegang amanah. Pemegang amanah akan mentadbir segala aset yang diamanahkan (aset alih atau tak alih) yang dibayar kepada benefisiari melalui penjaga yang dilantik untuk manfaat benefisiari. Pemegang amanah juga perlu menghalang mana-mana perbelanjaan harta amanah yang boros dan melindungi daripada penghamburan harta amanah. Sebilangan kes amanah yang ditadbir oleh Amanah Raya Berhad adalah dibawah Ordinan Sakit Otak 1952 (Mental Health Ordinance 1952). Penderma (dalam istilah undang-undang) boleh mengamanahkan aset seperti wang tunai dan senilainya, saham, polisi insurans nyawa dan juga hartanah. Akaun amanah ini boleh dibuka semasa hayat penderma atau mengikut wasiat apabila berlaku kematian. Suratikatan Amanah akan ditandatangani diantara pemegang amanah dan penderma bagi memperuntukkan syarat dan terma amanah. wang amanah yang disimpan oleh ARB adalah berpunca daripada sebab-sebab berikut:

- a) Penerima harta tersebut telah meninggal dunia.
- b) Penerima belum cukup umur.
- c) Penerima cacat daya pemikiran
- d) Penerima tidak dapat dikesan.

Persoalan, wang atau harta yang tidak dituntut berpunca daripada sebab-sebab yang dinyatakan di atas, Amanah Raya Berhad sebagai pemegang amanah akan membuka akaun amanah bagi setiap kes di atas dan akan mengumpulkan di dalam satu tabung yang dinamakan Kumpulan Wang Bersama Amanah Raya Berhad

dan akan dilaburkan kepada instrumen-instrumen yang diluluskan syariah. Setiap tahun ARB akan mengeluarkan dividen dan dikreditkan ke dalam akaun-akaun yang telah dibuka. Jika dalam masa tersebut terdapat tuntutan daripada waris bagi keempat-empat sebab di atas ARB akan mengeluarkan wang ini mengikut seksyen 37, Akta Pemegang Amanah (Hamidah Mohamad Hassan, 2007).

Menurut laman sesawang Amanah Raya Berhad (<http://www.arb.com.my>),

Terdapat beberapa sebab pengurusan wang yang tidak dituntut berlaku iaitu:

i. Perintah Pegawai Buruh:

Apabila seseorang pekerja meninggal dunia atau apa-apa kecelakaan yang menimpa dirinya, Pesuruhjaya Pampasan Pekerja iaitu Pegawai Buruh akan mengeluarkan perintah di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 supaya wang pampasan dibahagikan kepada si mati. Bahagian kanak-kanak akan dibayar kepada ARB untuk dipegang secara amanah. Wang ini juga akan dilaburkan seperti kes-kes di atas dan dividennya akan dikreditkan ke dalam akaun yang telah dibuka.

ii. Perintah Mahkamah:

Wang yang diamanahkan daripada punca ini ialah; pertama, wang gantirugi untuk kanak-kanak yang mengalami sendiri kecederaan atau; kedua, wang bahagian kanak-kanak yang menjadi tanggungan si mati. Baki wang ini akan diserahkan kepada mereka apabila mereka mencapai umur 18 tahun. Sekiranya kanak-kanak mengalami kederaan itu hilang daya pemikiran, wang itu akan dipegang oleh ARB secara berterusan. Nafkah akan dibayar kepada penjaganya. Amaun yang dibayar adalah tertakluk kepada umur, tempat tinggal dan jumlah wang yang diamanahkan.

iii. Perintah Pentadbir Tanah:

Apabila si mati meninggalkan harta alih dan tak alih bernilai kurang daripada RM 600,000, maka kuasa mentadbir tersebut telah diberikan kepada Pentadbir Tanah kerana ia melibatkan kes Pusaka Kecil. Kuasa yang digunakan ialah seksyen 16 Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Pentadbir Tanah akan mengeluarkan Perintah Pembahagian di dalam Borang E dan akan melantik ARB sebagai pemegang amanah untuk bahagian kanak-kanak atau orang tua yang telah nyanyuk.

iv. Wang Pusaka:

Selain daripada wang yang diterima berikutan daripada Perintah Pentadbir Tanah, wang daripada harta pusaka yang diserahkan kepada ARB juga akan ditadbir mengikut seksyen 86 Akta Probet dan Pentadbiran atau seksyen 20 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Satu Suratcara Amanah diperlukan. Dalam soal ini, harta-harta si mati yang diserahkan kepada ARB akan disimpan secara amanah sehinggalah waris memperoleh Surat Kuasa Mentadbir Pusaka. Ke semua wang yang dikumpulkan ini akan ditabungkan ke dalam Kumpulan Wang Bersama Amanah Raya Berhad dan dilaburkan. Apabila ada permohonan untuk membiayai perbelanjaan waris seperti belanja persekolahan, perayaan dan lain-lain bayaran yang bermanfaat, ARB akan mengeluarkan wang ini mengikut seksyen 37, Akta Pemegang Amanah 1949 (Hamidah Mohamad Hassan, 2007).

Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah menetapkan bahawa, ia tidak boleh menyerahkan wang daripada Akaun Tidak Aktif bagi pendeposit-pendeposit Tabung Haji kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak berdasarkan kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke-27 yang bersidang pada 3 Oktober 1990 telah membincangkan Akaun Simpanan Yang Tidak Aktif Dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Fatwa ini adalah berdasarkan bahawa telah ada akad persetujuan di antara pendeposit dengan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji yang meletakkan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji sebagai pemegang amanah untuk menjalankan urusan wang simpanan pendeposit. Hak pendeposit ke atas wang simpanan itu masih kekal dan tidak terputus walaupun akaun itu tidak aktif telah melebihi tujuh (7) tahun (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>).

Pemahaman berkaitan dengan konsep harta yang tidak dituntut perlu diambil berat agar harta yang tidak dituntut dapat diselesaikan dengan baik. Seterusnya, peruntukan undang-undang dan prosuder yang berkaitan perlu diketahui oleh masyarakat umum bagi memastikan masalah-masalah ini dapat dikurangkan.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan harta yang tidak dituntut bagi orang Islam yang semakin meningkat dari sehari ke sehari perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Ini kerana, apabila harta tidak dituntut, maka harta tersebut sampai tempoh tertentu akan dibekukan, tidak dapat dimanfaatkan oleh waris dan mungkin akan menjadi penyebab waris jatuh miskin dan papa kedana. Pada masa yang sama, negara tidak beroleh manfaat darinya kerana ekonomi tidak dapat berkembang dengan baik disebabkan banyak harta yang dibekukan. Perkara ini bukan sekadar merugikan para waris, bahkan ia juga kepada negara.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan berkenaan dengan isu harta orang Islam yang menjadi longgokan kes tidak dapat diselesaikan, dan timbunan harta tidak dituntut, pengkaji melihat bahawa perlunya kepada satu kajian yang lebih komprehensif dalam isu harta yang tidak dituntut ini. Menyedari hakikat ini, pengkaji tertarik untuk membuat kajian konsep harta yang tidak dituntut dalam perspektif Islam serta peruntukan undang-undang dan cadangan penyelesaiannya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah antara persoalan yang timbul dalam kajian ini, iaitu:

1. Bagaimana konsep harta yang tidak dituntut dalam perspektif Islam?
2. Apakah peruntukan undang-undang berkaitan harta yang tidak dituntut?
3. Apakah bentuk cadangan yang sesuai untuk menyelesaikan isu harta yang tidak dituntut?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Menganalisis konsep harta yang tidak dituntut dalam perspektif Islam.

2. Mengkaji peruntukan undang-undang berkaitan harta yang tidak dituntut.
3. Mengemukakan cadangan penyelesaian isu harta yang tidak dituntut.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada :

1. Pihak ilmuan dapat menerapkan ilmu berkaitan dengan konsep harta, pengurusan harta dalam Islam dan peranan institusi Baitulmal dalam Islam. Di samping itu, menerusi kajian ini, dapat dikenal pasti hubungan antara harta dalam Islam dan Wang Tak Dituntut.
2. Masyarakat Islam dapat memperluaskan sumber Baitulmal melalui Wang Tak Dituntut. Pertambahan hasil perolehan Baitulmal ini dapat menjana dan digunakan untuk kemajuan ekonomi dan kemaslahatan umat Islam. Selain itu, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan memahami konsep harta dalam Islam dan tanggungjawab sesama insan.
3. Masyarakat umum dapat memafahami peruntukan undang-undang berkaitan Wang Tak Dituntut serta prosedurnya. Selain itu, kajian ini turut memberi pendedahan kepada masyarakat umum mengenai kepentingan pengurusan harta agar ia dapat diurus tadbir dengan baik dan dapat mengelakkan pembekuan harta berlaku.
4. Pihak kerajaan dan pembuat dasar undang-undang, mengetahui bahawa pentingnya penggubalan undang-undang berkaitan harta yang tidak dituntut dan mengelakkan dari pertindihan bidang kuasa antara mahkamah sivil dan syariah agar masalah aset beku dapat diselesaikan dengan baik.

5. Pihak Baitulmal mendapat hak terhadap harta yang tidak dituntut milik orang Islam. Pertambahan sumber Baitulmal turut memberi kesan terhadap pengurusan Baitulmal.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian perlu dibatasi supaya penyelidik tidak menjadi kabur. Pembatasan permasalahan (kajian) perlu dinyatakan dalam bentuk perumusan yang sepatutnya (Sulaiman Masri, 2003 : 51). Justeru itu, kajian ini hanya menfokuskan mengenai konsep harta yang tidak dituntut menurut perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia serta hubungkaitnya. Di samping itu, mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian isu ini demi kemaslahatan umat Islam.

1.8 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Terdapat beberapa istilah di dalam kajian ini yang perlu didefinisikan supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan para pembaca. Istilah-istilah tersebut ialah berdasarkan tajuk kajian yang dibuat iaitu Harta Yang Tidak Dituntut Dalam Islam dan Undang-Undang di Malaysia.

1.8.1 HARTA

Dalam bahasa arab, harta disebut dengan (al-Mal) yang bererti harta benda. Menurut kamus *Lisan al-Arab al-Mal* adalah setiap yang kita miliki dari segala sesuatu (Ibn Mandzur 1990 : 3 :550).

Seterusnya, dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasith* yang disebut dengan (al-Mal) adalah: Setiap yang dimiliki oleh individu atau jama'ah dari perhiasan, barang-barang, perabot rumah, emas perak atau haiwan (Ibrahim Mustafa :882).

Dalam kajian fiqah, ada perbezaan pandangan berkaitan dengan definisi harta. Menurut Mazhab Hanafi mengkategorikan *al-Mal* (harta) dengan sesuatu yang mungkin boleh disimpan dan digunakan pada saat diperlukan. Bermaksud, harta hanyalah sesuatu yang bersifat benda. Dalam kitab *Hasyiah Ibn Abidin*, disebutkan bahwa harta adalah:

الْمُرَادُ بِالْمَالِ مَا يَمِيلُ إِلَيْهِ الطَّبَعُ وَيُمْكِنُ إِدْخَالُهُ لَوَقْتِ الْحَاجَةِ،

Maksudnya, “Harta adalah sesuatu yang manusia cenderung kepadanya dan disimpan untuk digunakan pada waktu diperlukan”

(Muhammad ibn Ali al-Hiskafi 2000 : 8)

Menurut kitab *al-Inayah Syarh al-Hidayah*, *al-Mal* adalah:

الْمَالُ كُلُّ مَا يَتَمَلَّكُهُ النَّاسُ مِنْ دَرَاهِمٍ أَوْ دَنَانِيرٍ أَوْ حِنْطَةٍ أَوْ

شَعِيرٍ أَوْ حَيَوَانٍ أَوْ ثِيَابٍ أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ (فصل في الفضة)

Harta adalah setiap yang dimiliki oleh seseorang dari dirham, dinar, gandum, haiwan, pakaian dan sebagainya.

Ibnu Nujaim al-Hanafi memberikan penjelasan tentang harta, beliau mengatakan:

كَمَا رُوِيَ عَنْ مُحَمَّدٍ كُلُّ مَا يَتَمَلَّكُهُ النَّاسُ مِنْ نَقْدٍ وَعَرُوضٍ

وَحَيَوَانٍ وَعَظِيمٍ ذَلِكَ إِلَّا أَنْ فِي عُرْفِنَا يَتَبَادَرُ مِنْ اسْمِ الْمَالِ النَّقْدُ

وَالْعُرُوضُ

Maksudnya “Sebagaimana yang telah diriwayatkan dari Muhammad bahwa harta adalah setiap yang dimiliki seseorang dari emas perak, mata benda, hewan dan lain-lain. Menurut pandangan adat kebiasaannya menamakan harta dengan kata wang dan barang-barang”

(Zainuddin ibn Nujaim al-Hanafi 1310 : 2 :242)

Menurut Imam al-Syafii bahwa harta adalah barang-barang yang mempunyai nilai yang boleh dijualbeli dan nilai harta itu akan terus ada kecuali tatkala semua orang sudah meninggalkannya, yaitu dianggap sudah tidak berguna lagi.

Imam al-Syafii berkata dalam kitab al-Umm:

وَلَا يَقَعُ اسْمُ مَالٍ وَلَا عَلَقٍ إِلَّا عَلَى مَا لَهُ قِيَمَةٌ يُتَبَّاعُ بِهَا وَيَكُونُ إِذَا
اسْتَمْتَلَكَهَا مُسْتَمْتَلِكٌ أَدَّى قِيَمَتَهَا وَإِنْ قَلَّتْ وَمَا لَا يَطْرَحُهُ النَّاسُ مِنْ
أَمْوَالِهِمْ مِثْلَ الْفَلْسِ وَمَا يُشْبِهُ ذَلِكَ وَالثَّانِي كُلُّ مَنْفَعَةٍ مُلِكَتْ
وَحَلَّ ثَمَنُهَا مِثْلُ كِرَاءِ الدَّارِ وَمَا فِي مَعْنَاهَا مِمَّا تَحِلُّ أُجْرَتُهُ.

Maksudnya, “Tidak dinamakan dengan harta kecuali jika memiliki nilai yang boleh diperjualbeli dan jika seseorang menghilangkannya maka ia perlu ganti nilai harta tersebut sekalipun sedikit sepertimana seumpamanya, dan kedua, setiap yang bermanfaat yang dimiliki dan halal seperti rumah sewa dan yang seumpama dengannya dihalalkan upahnya”

(Muhammad ibn Idris al-Syafii, 2001:150)

Penjelasan Imam al-Syafi’i tersebut menegaskan bahwa harta adalah sesuatu yang mempunyai nilai, dan sekiranya dihilangkan atau dicuri perlulah diganti mengikut nilai harta yang hilang. Definisi harta yang diutarakan oleh Imam al-Syafi’i dalam kitab al-Umm dikuatkan kebenarannya oleh Imam al-Suyuti, beliau mengatakan:

أما المال، فقال الشافعي: لا يقع اسم مال إلا على ما له قيمة يباع
بها وتلزم متلفه، وإن قلت وما لا يطرحه الناس، مثل الفلّس وما
أشبه ذلك

Maksudnya, *“Adapun harta, maka al-Syafi’i berkata: Tidak dinamakan sebuah harta kecuali jika memiliki nilai yang boleh diperjualbeli dan orang yang menghilangkannya harus menanggungnya sekalipun sedikit, dan tidak pula ditinggalkan manusia seperti wang dan yang seumpamanya”*

(Abdurrahman ibn Abu Bakr al-Suyuti, 2001:533)

Dari penjelasan beberapa ulama di atas dapat diambil kesimpulan tentang definisi harta, yaitu: Segala sesuatu yang memiliki nilai material bagi manusia, boleh digunakan untuk membeli keperluan harian dan seterusnya, dimanfaatkan secara syar’i.

1.8.2 HARTA PUSAKA

Harta ialah barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang dipunyai oleh seseorang, syarikat atau pertubuhan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005:517). Pusaka pula ialah segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal untuk diwarisi oleh keluarganya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005:1254).

Menurut al-Şabuni (2008 : 34), dalam mendefinisikan maksud harta pusaka ialah sesuatu yang ditinggalkannya oleh seseorang setelah mati, sama ada berbentuk harta dan hak terhadap harta atau hak bukan harta. Menurut istilah jumbuh fuqaha bahawa setiap sesuatu yang ditinggalkan seseorang setelah meninggal dunia dinamakan harta pusaka, sama ada orang yang mati itu mempunyai hutang atau tidak, dan sama ada hutang tersebut berbentuk ‘Ianiyah atau berbentuk Shakhşiyah. Ghazali Ibrahim (2011 : 35), mendefinisikan bahawa harta pusaka ialah segala apa yang ditinggalkan oleh si mati sama ada harta yang berbentuk alih atau tak alih.

1.8.3 HARTA YANG TIDAK DITUNTUT

Harta atau wang yang tidak dituntut bermaksud harta seseorang yang tidak diuruskan dengan sempurna sehingga harta tersebut disimpan dalam Pembendaharaan Negara atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia sama ada pada diri sendiri atau waris apabila berlaku kematian. Dalam konteks kajian ini, harta yang tidak dituntut adalah merujuk kepada Seksyen 8, Akta Wang Tak Dituntut 1965 iaitu:

- i) Wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang dari satu tahun.

Contoh dibawah kategori ini ialah :

- a) Gaji, upahan, bonus, komisyen dan wang lain yang kena dibayar kepada pekerja ;
- b) Dividen;
- c) Keuntungan yang diisytihar untuk dibahagikan;
- d) Draf bank, Cashier's order, dan dokumen lain yang mempunyai fungsi serupa di mana tempoh sah lakunya telah luput;
- e) Simpanan tetap tanpa arahan pembaharuan automatik yang telah matang;
- f) Cagaran dan deposit yang telah tercapai tujuan wang itu dikutip;
- g) Pemiutang pelbagai; dan
- h) Penghutang pelbagai berbaki kredit.

- ii) Wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh masa tidak kurang dari tujuh (7) tahun.

Contoh di bawah kategori ini ialah:

- a) Akaun simpanan;
- b) Akaun semasa;
- c) Simpanan tetap yang mempunyai arahan pembaharuan automatik.

- iii) Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urusanniaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun.

Contoh di bawah kategori ini ialah:

- a) Akaun pemiutang dagangan dan
- b) Akaun Penghutang dagangan berbaki kredit.

1.8.4 UNDANG-UNDANG

Undang-undang amat penting dalam kehidupan kita sejak dahulu lagi. Ramai penulis yang memberikan definisi undang-undang yang berbeza-beza. Oleh itu tiada definisi khusus maksud undang-undang. Dalam konteks kajian ini, undang-undang adalah sepertimana menurut Dewan Bahasa dan Pustaka 2015 edisi yang ke empat, mendefinisikan undang-undang sebagai ‘sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan.

Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menyatakan undang-undang adalah peraturan yang digubal untuk sesuatu perbadanan (perkumpulan, persatuan, dan lain-lain) oleh orang-orang tertentu. Mengikut kamus undang-undang Oxford, pula perkataan undang-undang membawa maksud ‘suatu kumpulan peraturan-peraturan yang di kuatkuasa dengan tujuan untuk mentadbir sesebuah masyarakat.

1.9 KESIMPULAN

Bab ini memberikan gambaran awal mengenai kajian yang akan dijalankan oleh penulis. Di samping itu, bab ini bertindak sebagai suatu batasan atau panduan jelas kepada penulis dalam menjalankan kajian. Penyataan masalah kajian yang telah dinyatakan menunjukkan permasalahan harta atau wang yang tidak dituntut merupakan satu perkara penting yang perlu diketengahkan dan diambil perhatian oleh pihak yang berautoriti negara. Perkara ini penting kerana ia melibatkan hak-hak kehartaan orang-orang Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Karim al-Khatib (1976). *al-Siyasah al-Maliyah fi al-Islam Wa Silatuha Bil al-Mu'amalah Wa al-Mu'asarah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-^cArabiyy.
- Abd Allah al-Bustaniyy al-Lubnaniyy (1930). *al-Mu'jam al-Lughawiyy al-Bustaniyy*. Beirut: Matba^cat al-Amir Kaniah.
- Abd Hamid. M. H. (2014). *Anggapan Kematian al-Mafqud Menurut Undang-Undang Sivil Dan Syariah: Satu Penilaian Semasa*. Website: [:http://jurnalkanun.dbp.my](http://jurnalkanun.dbp.my).
- Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin (2010). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur:: Pustaka Salam SDN. BHD.
- Abdul Halim el-Muhammady (2001), *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasi kepada Produk Perbankan Islam*. Bangi: UKM
- Abdul Halim El-Muhammady (2001). *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Bangi: Universiti kebangsaan Malayisa.
- Abdul Rahman al Jaziri (2005). *al-Fiqh 'ala al-Madzahib al'Arba'ah*. (Jilid 1). Darul Fikr: Riyadh.
- Abdullah Alwi Hassan (2003). *Konsep dan Peranan Baitulmal Zaman Kegemilangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah. H. (2014, Mei 1). Hukum *mafqud* tentukan status mangsa MH370, website: www.utusan.com.my
- Abdurrahman ibn Abu Bakr al-Suyuti (2001). *al-Asbah wa al-Nadza'ir*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1983). Ke arah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia: Masalah dan Kemungkinan. *Kertas Kerja Seminar Perundangan Islam Kebangsaan*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, bangi.
- Ahmad Rofiq (1995). *Fiqih Mawaris*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Ahmad, Muhammad Syakir (2005). *'Umdatul al-Tafsir 'An al-Hafiz Ibnu Kathir*. (Edisi Ketiga). Mansurah, Mesir: Dārul Wafā'

- Akhbar_Majalah, Wang Tidak Patuh Syariah (2013, Januari 2), website:
[http://emuamalat.islam.gov.my/sites/default/files/ ariah](http://emuamalat.islam.gov.my/sites/default/files/ariah).
- Akta Wang Tak Dituntut 2014 portal rasmi Akauntan Negara Malaysia
 (<http://www.anm.gov.my>)
- Al-Bukhari (2004). *Ṣahih Bukhari*. Cairo Mesir: Dāru al-Afaq al-‘Arabiyah.
- Al-Mawardi (1983), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*,.Kaherah: Dar al-Shahab li al-Tiba'ah.
 Al-Misriyyah Kaherah:
- al-Ṣabuni (2008). *Al-Mawāriṭh Fi al-Sharī’ah al-Islāmiyah Fi Ḍau’i al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Bairut, Lubnan : Syurkah Abnā’ Sharīf al-Anṣārī.
- Al-Ṣibhani (2008). *Sunan Abi Dawud*. Cairo, Mesir: Dāru Ibnu al-Haitham.
- Al-Syeikh Muhammad Ali Al-Sobuni (1987), *Al-Mawarith fi Al-Syariah Al-Islamiyyah fi Dhauil Kitab wa Al-Sunnah*.
- al-Tirmidhiyy, Muhammad ibn Isa ibn Surah. (1999). *Sunan al-Tirmidhiyy*. Tahqiq Mustafa Husayn al-Dhahabiyy. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Amir Bahari (2012). *Soal Jawab Wasiat Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative Research In Education: An Introduction to Theory and Methods* (3rd ed.). Needham Heights: MA: Allyn & Bacon.
- Bidayah al-Mujtahid li Ibn Rushd, juz 2, hal 256
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2015). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Arif Corporation Sdn. Bhd.
- Dr. Nasir Bin Muhammad al-Ghāmidī (2011). *Al-Khulāsah Fi ‘Ilmi al-Farāiḍ*. Makkah, EAU: Darul Ṭaiyibah al-Khaḍrā’.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Fauzan, al-, Salih Bin Fauzan Bin Abdullah (1407H). *al-Tahqiqat al-Mardhiyyah fi al-Mabahith al-Faradhiyyah*. Medinah: Universiti Islam Medinah.
- Fikri Ali (1939). *al-Muamalat al Maddiyah Wa al-Adabiyah*. (juz 2). Mesir: Musthafa al-Babiy al Halabiy,
- Ghazali Ibrahim (2011). *RM42 Billion Pusaka Belum Dituntut?*. Kuala Lumpur : Inteam Publishing Sdn. Bhd.

- Hamidah Mohamad Hassan (2007). *Amalan Peramanahan Harta di Amanah Raya Berhad*. Tesis Sarjana Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hasyiah ibn Abidin (2000), Beirut: Dar al-Ma'rifah, Cetakan Pertama.
- Hendi Suhendi (2011). *Fiqh Muamalah*. PT Raja Grafindo Persada: Jakarta.
- Ibn Abidin (1992). *Hasyiyah Radd al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fkr.
- Ibn Manzur, Abu al Fadh Jamal al-Din Muhammad Mukarram (1994) *Lisan al-'Arab*. Bairut: Dar Sader.
- Indera Shahril Mohd Shahid, (2015), Artikel "Tadbir Urus Terbaik Wang Tidak Dituntut Milik Orang Islam Di Baitulmal. Majlis Agama Islam Selangor.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). Panduan Pemahaman Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2006),
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. (2007). Manual Pengurusan Harta Luqatah. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Jalal al-Din Abd al-Rahman al-Suyutiyy (1983). *al-Ashbah wa al-naza'ir fi qawacid wa furu' fiqh al-shaficiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Juraish Kamaruddin. (2009). Pemeraksanaan Entiti dan Sumber Perbendaharaan Baitulmal Melalui Dinamika Muamalat dan Undang-Undang Syariah. *Prosceding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan*. 24-25 Jun. Kuala Lumpur, 24-34.
- Jurnal Hukum. (1998). Jilid 12. Bhg. 2. Bahagian Hal Ehwal Islam: Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Mahamad & Mohd Farihal Osman (2009). Penubuhan Pusat Perbendaharaan Islam: Satu Keperluan Dalam Pembangunan Ekonomi Negara. *Prosceding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan*. 24-25 Jun. Kuala Lumpur, 45-67.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1995). *Bidangkuasa Mahkamah Syariah*. Jurnal Hukum, Jilid Ketujuh, bil. 1: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Md Yazid Ahmad & Amir Fazlim Yusoff. (2006). *Konflik Bidangkuasa Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah Berhubungan Harta Orang Islam di Malaysia: Analisa Ringkas Kes-Kes Yang Berkaitan*. Kertas Kerja Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat, dan

- Wakaf. Anjuran MAIDAM dan UKM. Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam: Pulau Wan Man, Kuala Terengganu.
- Md Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim. (2006). *Kekangan Statut Ke Atas Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Harta Orang-Orang Islam di Malaysia*. Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam. Anjuran KIPSAS dan Jabatan Syariah. Fakulti Pengajian Islam: UKM, Bangi.
- Merriem, S.B. (1998) *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2000). *Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana?*. Jurnal Syariah. Jilid 8. Bil.2. Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur:
- Mohd Ridzuan Awang (2008), *Isu-isu Keadilan Dalam Pengagihan Pusaka*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridzuan Awang (2006), *Pengurusan Pusaka dan Wasiat Orang Islam di Malaysia*. Kertas Kerja Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat, dan Wakaf. Anjuran MAIDAM dan UKM. Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam: Pulau Wan Man, Kuala Terengganu.
- Mohd Fitri Abdul Rahman (2007), *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*. Pts Professional Publishing Sdn, Bhd. Selangor.
- Muhammad Ali Ash-Shabuni (1996). *Pembahagian Harta kepada Waris menurut Islam*. Jakarta: Gema Insani Press, hal 33.
- Muhammad ibn Ali al-Hiskafi (2000) *Radd al-Mukhtar 'Ali al-Dar al-Mukhtar; Hasyiah ibn Abidin*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad ibn Idris al-Syafii (2001) *al-Umm*, Tahqiq; Rif'at Fauzi Abdul Muthalib, Beirut: Dar al-Wafa,

- Muhammad Mahyuddin Abd al-Hamid (1991) *Ahkam al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah 'ala Mazahib al-Aimmah al-Arba'ah*. Bairut : al-Maktabah al-'Asriyah.
- Naziree bin Md.Yusof (2014). Hukum Wisoya & Reality Permasalahanya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam, *Jurnal Muamalat*, (bil. 1). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noor Aziah Md Awal (2007), *Masalah-masalah Perwarisan Wanita*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noor Hayati Marzuki, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2006). Ulama Kitab Jawi dan Sains Matematik di Alam Melayu: Kajian Kes Syeikh Ahmad al-Khatib Minangkabau. *Seminar Sains, Agama dan Budaya di Alam Melayu*. 6-7 Disember. Kuala Lumpur, 34-38.
- Othman Mohamed (2003). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metod* Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim
- Panduan Pemahaman Wang Tak Dituntut, Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2006), Jabatan Akauntan Negara
- Patton,M.O.(1980) *Qualitative evaluation methods*.Beverly Hills, CA:Sage
- Razali bin Shahabudin (2009). *Perancangan Harta Individu dan Harta Syarikat Islam*. Kertas Kerja Seminarn30 Mei. JAKIM
- Sayyid Sabiq (1981). *Fiqh As Sunnah*. (Juz 3). Beirut: Dar al-Fikr.
- Shabla, Ahmad (1993), *Al-Iqtisad fi Al-Fikr Al-Islami*, Maktabah Al Nuhdah
- Siti Mashitoh Mahamood (2006). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur.Universiti Malaya.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal,Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2007). *Syeikh Abdullah Fahim :Tokoh Intelek Melayu dan Pejuang Kemerdekaan*. UTHM.

Utusan Malaysia (2015, Jun 1) Bahagian Sumber Maklumat dan Penerbitan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) website: <http://ww1.utusan.com.my/utusan>.

Wahbah Al-Zuhaily (2005). *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Abdul Halim Wan Harun (2006). *Pengurusan dan Pembahagian Harta pusaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Harun. W. A. H. (2015). *Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Dalam Konteks Perundangan Malaysia*. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak website: <http://www.islam.gov.my/sites/default/files/22.pusaka.pdf>

Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah (1983). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Tabah Dzah al-Salasil

Yazid Ahmad (2006). *Konsep Harta Menurut Pespektif Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil: Satu Tinjauan*. Jurnal Pengajian Umum. (Bil.7). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (23)

Zainuddin ibn Nujaim al-Hanafi (1310). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. (Cetakan Pertama) Mesir: Matba'ah al-Ilmiyyah.

http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/public/page_detail.php?id=44

<http://islamicwealthplanning.wordpress.com/>

<http://www.kptg.gov.my/>

<https://www.jkptg.gov.my>

<http://www.intinankhansa21.blogspot.com>.